

Headline	TNB JMFR kembali gegar Manjung		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Sukan	Page No	52
ArticleSize	206 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,102		



Roslan (tengah), Ir. Roslan (kiri) dan Shamsul menurunkan tandatangan pada kereta rasmi TNB JMFR 2019 di Bangsar, semalam.

TNB JMFR kembali gegar Manjung

ACARA berbasikal secara santai TNB Janamanjung Fellowship Ride (JMFR) kembali untuk edisi ke-12 pada 28 April ini dengan lebih 1,400 peserta mengambil bahagian.

Edisi kali ini menjadi lebih bermakna dan meriah sempena TNB Janamanjung Sdn Bhd (TNBJ) menyambut ulang tahun ke-20 kewujudan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) di Manjung.

Kehangatan dan kemeriahan jelajah berbasikal itu semakin terasa menjelang acara dengan berlangsungnya majlis prapelancarannya di Dataran Vibrant, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB), Bangsar, semalam.

Ia disempurnakan oleh Ketua Pega-

wai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman; Ketua Pegawai Penjanaan TNB, Ir. Roslan Abdul Rahman dan Pengarah Urusan TNBJ, Datuk Shamsul Ahmad.

Berbaki sebelas hari sahaja lagi, acara berprestij TNB JMFR itu menerima penyertaan pelumba amatir dan berpengalaman, dari dalam dan luar negara.

Peserta bakal berkayuh sejauh 121 kilometer dari Teluk Batik dengan merentasi pekan Parit dan Air Tawar, sebelum kembali ke Teluk Batik.

Mereka akan dilepaskan oleh Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC), Isnaraissah Munirah Majilis.